

# Cegah pneumokokol

SETIAP pasangan yang menjadi ibu bapa, pasti tidak dapat menyembunyikan kerisauan sepanjang pembesaran anak mereka. Setiap perjalanan diteliti dan dirancang dengan betul supaya si kecil menikmati saat penjelajahan yang bermakna.

Namun, dalam setiap rangkaian dirancang, kita masih tidak mampu menghalang anak diserang penyakit seperti selesema, batuk, demam dan sebagainya kerana antibodi kanak-kanak sememangnya jauh lebih rendah daripada dewasa. Walaupun serangan itu suatu perkara biasa, hati ibu bapa tetap terusik.

Bayangkan bagaimana pula perasaan ibu bapa yang tiba-tiba mendapati anak yang awalnya diserang demam selesema terlantar di wad rawatan rapi. Mengapa penyakit yang biasa boleh menyebabkan keadaan kelihatan begitu kritikal? Jangkitan penyakit pneu-

Vaksin  
Prevenar  
13 atasi  
penyakit  
ragut dua  
juta nyawa  
setiap tahun

mokokol (PnD) adalah antara jawapannya.

Jangan salahkan diri anda kerana tidak tahu apa itu pneumokokol. Anda sebenarnya tidak keseorangan. Berdasarkan satu kajian yang dijalankan



DR ZULKIFLI (kiri) dan Pengarah Urusan Pfizer Malaysia dan Brunei, Angel Choi bersama replika kotak vaksin Prevenar 13.

Wyeth Pharmaceuticals ke atas 2,000 ibu bapa di Asia mendapati hampir separuh daripada responden tidak menyedari mengenai kewujudan penyakit itu.

Menjelas lanjut mengenai

PnD, Pakar Runding Pedeatrik, Datuk Dr Zulkifli Ismail, berkata apa yang menyedihkan adalah ramai ibu bapa tidak tahu penyakit itu boleh dielakkan dengan sejenis vaksin dikenali sebagai vaksin Prevenar 13,

pengganti kepada vaksin terdahulu, *Pneumococcal Conjugate Vaccine* (PCV7).

Katanya, Prevenar 13 dihasilkan untuk membantu mengurangkan lagi risiko PnD di kalangan bayi dan kanak-kanak kecil dengan memberikan liputan lebih meluas terhadap penyakit terabit, yang meragut nyawa seorang daripada lima kanak-kanak berusia lima tahun di seluruh dunia.

"Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan lebih 735,000 mangsa meninggalkan dunia akibat serangan PnD setiap tahun dan separuh daripada angka itu membabitkan kanak-kanak berusia bawah lima tahun atau dua juta kanak-kanak setahun.

"Ia meragut lebih banyak nyawa berbanding penyakit lain, termasuk Aids, malaria dan campak. PnD disebabkan bakteria *S pneumoniae* dan merebak

memalui titisan pernafasan seperti bersin, batuk serta hem-busan nafas. Bagaimanapun, tidak semua individu terdedah kepada bakteria *S pneumoniae* ini akan jatuh sakit," katanya ketika majlis pelancaran Prevenar 13, baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, penyakit itu sering dianggap ringan oleh keluarga pesakit memandangkan ia tidak memberikan amaran ketara dan apabila kanak-kanak disahkan menghadapi penyakit PnD, kesannya amat besar bagi seisi keluarga.

"S Pneumoniae boleh menyebabkan jangkitan virus serius seperti meningitis dan pneumonia tanpa sebarang amaran yang ketara, memandangkan demam, selesema dan batuk adalah tanda umum sakit kanak-kanak dan boleh disalah anggap sebagai sakit ringan.

"Bagaimanapun, ibu bapa kini boleh mengambil inisiatif untuk mengelak risiko PnD dan menjamin masa depan kanak-kanak dengan memberikan mereka vaksin sebagai perlindungan tambahan," katanya.

Jelasnya lagi, Prevenar 13 merangkumi tujuh serotaip dalam Prevenar 7 (4, 6B, 9V, 14, 18C, 19F dan 23F) dan juga enam serotaip tambahan (1, 3, 5, 6A, 7F serta 19A) yang membantu untuk mengurangkan risiko PnD di kalangan kanak-kanak. Prevenar 13 kini boleh didapati di pasaran termasuk 44 negara di seluruh dunia dengan harga RM260 setiap dos.

## INFO Pneumokokol

■ Ia disebabkan bakteria *S pneumoniae*. Terdapat lebih 90 serotaip *S pneumoniae* tetapi hanya sebilangan kecil yang menyebabkan penyakit pneumokokol di seluruh dunia.

■ Jika jangkitan berlaku pada bahagian atas salur pernafasan yang menyebabkan bakteremia (jangkitan kuman dalam darah), sepsis (keracunan dalam darah), meningitis (jangkitan bakteria

dalam membran tulang belakang atau otak), pneumonia (radang paru-paru), otitis media akut (radang pada bahagian tengah telinga) dan sinusitis (radang dalam hidung).

■ Jika ia tidak dirawat atau gagal dirawat, penyakit pneumokokol boleh menyebabkan hilang pendengaran, kesukaran belajar, lambat bertutur, lumpuh dan kadangkala maut.

### ■ Cara mengesan

■ Demam, berasa seram sejuk dan batuk berbeza mengikut jenis penyakit. Lazimnya pengesanan dibuat menerusi ujian rapi seperti x-ray atau ujian makmal.

### ■ Siapakah yang berisiko dijangkiti?

■ Kanak-kanak di bawah usia lima tahun  
■ Dewasa melebihi usia 55-65 tahun

### ■ Simptom

■ Bacteremia - Demam panas yang tinggi dengan petanda tidak khusus.

■ Meningitis - Demam, sakit kepala yang teruk, loya, muntah, leher yang tegang dan fobia foto (mengelakkan cahaya akibat rasa sakit) di kalangan kanak-kanak lebih dewasa, manakala bayi menunjukkan demam dan tanda tidak khusus yang kerap.

■ Pneumonia - Sawan secara tiba-tiba, sejuk, batuk, demam dan sesak nafas.

■ Otitis media akut (jangkitan pada bahagian tengah telinga) - Sakit telinga dan demam.

■ Sinusitis - Demam, selesema dan batuk.